

Bil. S 37

PEMINDAHAN TUGAS-TUGAS MENTERI UNDANG-UNDANG

Adalah dengan ini diberitahu untuk makluman umum bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menitahkan bahawa mulai dari 26 haribulan Julai, 1999 semua tugas, kuasa, kewajipan, kelebihan dan faedah Menteri Undang-Undang yang telah dipindahkan kepada atau diberikan atau dikenakan kepadanya oleh setiap undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual adalah dipindahkan kepada orang yang dinyatakan bersementaraan dengan undang-undang bertulis tersebut dalam ruang kedua Jadual.

JADUAL

Kanun Peraturan Jenayah (<i>Penggal 7</i>)	Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
Bab 55 dari Kanun Hukuman Jenayah (<i>Penggal 22</i>)	Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
Bab 75(2) dari Akta Kebankrapan (<i>Penggal 67</i>)	Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
Aturan-Aturan Mahkamah Besar	Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
Akta Keterangan (<i>Penggal 108</i>)	Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri

DENGAN TITAH PERINTAH

**DATO PADUKA HAJI AWANG HAZAIR BIN
HAJI AWANG ABDULLAH**
Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.